

1,200 mahasiswa Negeri Sembilan sertai SUKNES@U



» Temasya 3 hari itu mempertandingkan sembilan acara teras dan sukan rakyat

[FOTO MOHD AMIN JALIL / BH]

► Nilai

Kira-kira 1,200 peserta berhimpun di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, bagi menyertai temasya Sukan Mahasiswa Negeri Sembilan (SUKNES@U) 2015, selama tiga hari yang dijadual berakhir hari ini.

Mereka adalah kalangan mahasiswa kelahiran Negeri Sembilan yang sedang melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di 22 institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara.

Antaranya adalah daripada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.

Selain itu, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Tun Hussein Onn, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Malaysia Terengganu.

Temasya sukan ini dianjurkan oleh Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (MANIS) dengan kerjasama Pusat Sukan USIM dan mendapat sokongan daripada kerajaan Negeri Sembilan serta Yayasan Negeri Sembilan (YNS).

Edisi kedua

Sebanyak sembilan acara dipertandingkan pada kali ini iaitu futsal, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, sepak takraw serta ping pong selaku sukan teras selain sukan rakyat seperti tarik tali, tarik upih, guli dan galah panjang. Semua acara berlangsung di Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM.



Kontinjen dari IPTA yang menyertai **Sukan Mahasiswa Negeri Sembilan 2015** di USIM Nilai, baru-baru ini.